

SIARAN AKHBAR

MHE-Demag menganjurkan pameran peralatan pembinaan kompak hasil kejuruteraan Jerman yang pertama seumpamanya di Malaysia

Peralatan yang dirumus khas untuk keperluan pembangunan dirungkaikan dengan kaedah yang menarik

Kuala Lumpur, MALAYSIA – 23 April 2019 – Diilhamkan oleh filem ‘Bumblebee’ yang ditayangkan baru-baru ini, MHE-Demag telah memperkenalkan rangkaian produk pembinaan kompaknya kepada warga Malaysia menerusi sebuah pameran peralatan pembinaan yang serba unik.

Bersama dengan rakan kongsi serantaunya, Wacker Neuson, MHE-Demag telah mempersembahkan teknologi pembinaan yang terkini di Malaysia yang meliputi ekskavator bertrek, ekskavator bertayar, pengendali teleskopik (telehandlers), pemuat bertayar (wheel loaders) dan pembuang bertayar (wheel dumpers). Pengunjung juga berpeluang menyaksikan ‘persembahan berkumpulan’ yang menyaksikan jentera-jentera berlainan saiz ini diolah dengan pergerakan bersinkronisasi.

Ditubuhkan di Malaysia sejak tahun 1972, MHE-Demag telah menjadi sebahagian daripada pembangunan negara ini dengan menawarkan solusi dalam bentuk kren dan trak forklift Demag, yang menjurus kepada penambahan lain seperti peralatan mengedok, gondola dan sistem parkir kereta ke dalam rangkaian produk yang ditawarkan.

Klaus Schilling, Pengarah Serantau untuk MHE-Demag berkata syarikat tersebut percaya bahawa ini merupakan waktu yang tepat untuk membawa masuk jentera buatan Jerman ke Malaysia untuk mendukung keperluan sektor infrastruktur, pembinaan, hartanah, pembuatan dan pertanian.

“Rangkaian produk tersebut berciri mudah alih, kompak dan mudah untuk bergerak. Dengan barisan ekskavator kompak ini, ruangan sempit tidak lagi menjadi halangan kerana jentera ini boleh menyusuri jalan-jalan atau lorong yang sempit. Kami berharap ia dapat mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas lanjutan daripada penggunaan ekskavator besar untuk tugas-tugas kecil yang biasa dilihat di Malaysia,” jelas beliau.

Jentera ekskavator dan pembuang bersaiz kompak ini dirumus khas untuk kontraktor yang beroperasi dalam skala kecil, termasuk kontraktor kejuruteraan awam serta kontraktor am; pemaju hartanah; kontraktor perumahan, jalan raya, perkebunan dan landskap; petani; pemilik ladang; pelombong; ruang parkir sewa; tapak pengitaran semula; logistik; kerja-kerja komunal dan sebagainya.

Antara produk utama yang dirungkaikan sewaktu pameran tersebut ialah WL20e Wheel Loader. Berkuasakan elektrik dan 100% bebas emisi, ia merupakan solusi yang sempurna untuk *Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon* yang dipromosikan oleh kerajaan Malaysia. Selain daripada tahap emisi hingar yang rendah, WL20e juga memberikan penjimatan sebanyak 41% dalam kos pengoperasian serta kelebihan dari segi kos untuk penyelenggaraan dan interval servis. MHE-Demag turut menawarkan opsyen pembiayaan yang fleksibel dan berpatutan bagi rangkaian produk terbaharu ini termasuk opsyen untuk menyewa.



“Pameran ini memerlukan kemahiran pengoperasian dan sinkronisasi yang tinggi, dan lebih penting lagi, kerjasama yang utuh. Kami berasa gembira untuk menerima maklum balas yang positif daripada para pengunjung. Kami mungkin akan menganjurkan pameran yang lebih besar pada masa akan datang dan membukanya kepada orang ramai,” ujar Schilling.

-TAMAT-

Tentang MHE-Demag

Ditubuhkan sejak tahun 1972, MHE-Demag merupakan pelopor dalam bidang pengendalian bahan-bahan kasar. Kami sebagai jurutera, menghasilkan dan memelihara sebuah rangkaian komprehensif yang terdiri daripada kren dan takal industri, peralatan pergudangan seperti trak pengangkat dan pengaras dok, platform kerja aerial, unit penyelenggaraan bangunan untuk pengoperasian selamat di paras tinggi, serta sistem parkir kereta berautomasi. Solusi khusus MHE-Demag berkhidmat untuk pelbagai industri yang meliputi pembuatan awam hingga ke bidang aeroangkasa, merangkumi pelanggan dari pelbagai latar belakang.

Sebuah jalinan usaha sama antara Jepsen & Jessen Pte Ltd dan Demag Cranes and Components GmbH, MHE-Demag yang berpangkalan di Singapura dan beroperasi dalam sebuah rangkaian serantau yang erat merentasi Australia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Singapura, Myanmar, Papua New Guinea, Filipina, Taiwan, Timor-Leste, Thailand, Vietnam, dan lain-lain. Operasi kami didukung oleh 11 fasiliti pembuatan dan lebih daripada 70 cawangan yang terletak secara strategik dalam rantau ini.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mhe-demag.com.

Perhubungan Media

Loh Mei Huang

Pengurus Pemasaran Serantau

MHE-Demag Group

Tel: +603 – 3345 7888 dan +6012 – 5270221

E-mel: meihuang_loh@mhe-demag.com

